

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November, 1989

ATW 100 - Pengantar Pengurusan

Masa : [3 JAM]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan: **SEMUA** daripada Bahagian A dan **TIGA** daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. (a) Dengan menggunakan rajah, lukiskan bentuk struktur organisasi:

- (i) Struktur geografik.
- (ii) Struktur matrik.

[8 markah]

(b) Adakah konsep struktur bahagian (divisionalized) seperti geografik, sama dengan konsep pemancaran kuasa. Jika tidak, terangkan sebabnya.

[6 markah]

(c) Andaikan anda seorang pengurus. Mengapakah anda harus menggunakan pemancaran kuasa?

[6 markah]

... 2/-

2. (a) Jelaskan ketiga-tiga pendekatan kepimpinan.

[8 markah]

(b) Lukiskan grid pengurusan (managerial grid) Blake dan Mouton dan terangkan tumpuan pengurus bagi kelima-lima sektor.

[4 markah]

(c) Jelaskan kebaikan dan keburukan penyelesaian masalah secara berkumpulan. Kaitkan kebaikan dan keburukan tersebut dengan pengalaman anda sebagai ahli kumpulan tutorial.

[8 markah]

BAHAGIAN B

3. (a) Terangkan perbezaan di antara fungsi lini dan staf.

[5 markah]

(b) Jelaskan konflik yang selalu berlaku di antara kakitangan kedua-dua fungsi ini dari segi:

- (i) aduan lini terhadap staf, dan
- (ii) aduan staf terhadap lini.

[10 markah]

(c) Jelaskan cara-cara yang boleh diambil bagi mengurangkan konflik tersebut.

[5 markah]

4. (a) Terangkan pengkhususan kerja dari segi:

- (i) dari teori pengurusan manakah ia timbul dan siapakah pakar atau ahli yang mengutarakanya.

...3/-

- (ii) terangkan konsep pengkhususan dengan mengaitkannya dengan salah satu daripada model-model motivasi.

[10 markah]

- (b) Dengan menggunakan contoh-contoh jelaskan kebaikan dan keburukan konsep pengkhususan kerja.

[10 markah]

5. (a) Terangkan perbezaan di antara kedua-dua pandangan asas autoriti formal iaitu pandangan klasik dan pandangan penerimaan.

[5 markah]

- (b) Terangkan keempat-empat syarat yang disarankan oleh Chester Barnard, yang memastikan sama ada seseorang itu akan mematuhi autoriti.

[5 markah]

- (c) Dengan menggunakan contoh-contoh, terangkan kelima-lima asas sumber kuasa yang disarankan oleh French dan Raven.

[10 markah]

6. (a) Andaikan anda seorang pengarah personel di dalam sebuah syarikat. Di dalam tugas anda mengurus sumber manusia, senaraikan aktiviti-aktiviti yang anda jalankan dan jelaskan tujuan tiap-tiap aktiviti tersebut.

[12 markah]

- (b) Anda juga sedang memikirkan tentang pengambilan pekerja bagi suatu jawatan kosong di dalam syarikat anda. Nyatakan sama ada anda ingin melantik pekerja daripada dalam atau luar organisasi. Berikan sebab-sebab mengapa anda membuat pilihan tersebut.

[8 markah]

7. (a) Terangkan Teori Hirarki Keperluan Manusia yang disarankan oleh Abraham Maslow. Beri contoh-contoh bagi keperluan-keperluan tersebut.

[10 markah]

- (b) Terangkan Teori "ERG" oleh Clayton Alderfer.

[5 markah]

- (c) Jelaskan perbezaan yang wujud di antara pendapat Maslow dan Alderfer tentang keperluan manusia.

[5 markah]

--oooo000oooo--